



SIARAN MEDIA

AKM 2025: KPKT MENGANGKAT KECEMERLANGAN WARGA, BERHASRAT MENJADI PUSAT KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN AWAM

KUALA LUMPUR, 8 November 2025 – Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, isteri kepada YAB Perdana Menteri telah menyempurnakan **Majlis Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT Tahun 2025 (AKM 2025)** yang berlangsung di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada malam ini. Turut hadir YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan; YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi', Ketua Audit Negara; YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Bin Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman Bin Taib. Ketua Setiausaha KPKT.

Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2025 (AKM 2025) merupakan **penganjuran KPKT kali kedua sejak mula diperkenalkan pada tahun 2023 bagi mengiktiraf dan menghargai warga kementerian, agensi dan jabatan di bawah KPKT serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** yang sentiasa bekerja keras untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Menerusi semangat yang terkandung dalam slogan KPKT iaitu "Stronger Together", "Unity in Diversity" dan "Demi Pertiwi", AKM turut dilaksanakan bagi mencerminkan kepimpinan KPKT yang akan sentiasa cemerlang, berwawasan serta komited dalam melaksanakan dasar-dasar Malaysia MADANI.

YB KM menyatakan hasrat beliau untuk menjadikan KPKT dan PBT sebagai pusat perkhidmatan awam yang cemerlang demi meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat Malaysia.

"Kecemerlangan tidak boleh dibiarkan tenggelam dalam arus mediokriti. Ia mesti diserlahkan, disanjung dan dijadikan contoh agar seluruh warga perkhidmatan menjadikan prestasi tinggi sebagai norma, dan bukannya titik penyisihan," ulas beliau. Sejajar dengan usaha berterusan Kementerian bagi memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisien, inklusif dan berimpak tinggi demi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

Sebanyak 10 kategori anugerah telah dipertandingkan dalam AKM 2025 yang melibatkan warga KPKT dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merangkumi enam (6) anugerah individu, dua (2) anugerah berpasukan dan dua (2) anugerah PBT seperti berikut:

Kategori Individu :

- i. Anugerah Keunggulan Menteri;
- ii. Anugerah Kepimpinan Terbaik;
- iii. Anugerah Kepimpinan Berinspirasi;
- iv. Anugerah Kepimpinan Harapan;
- v. Anugerah Pelaksana Terbilang; dan
- vi. Anugerah Ikon Inspirasi.

Kategori Berpasukan :

- i. Anugerah Organisasi Unggul; dan
- ii. Anugerah Organisasi Sejahtera.

Kategori PBT :

- i. Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik; dan
- ii. Anugerah PBT Cemerlang

Proses penjurian telah dilaksanakan secara telus dan objektif oleh barisan juri profesional yang berwibawa, berintegriti tinggi dan berpengalaman dalam bidang masing-masing. Anugerah Keunggulan Menteri merupakan anugerah utama yang mempertaruhkan nilai tertinggi berbentuk wang tunai, sijil penghargaan, trofi selain turut menawarkan peluang kepada pemenang untuk mengikuti kursus jangka pendek di universiti terkemuka dunia seperti Harvard University dan Melbourne Business School.

Kriteria pemilihan pemenang adalah berdasarkan sumbangan dan pencapaian cemerlang yang ditonjolkan demi mendokong visi, misi dan hala tuju Kementerian dalam konteks Malaysia MADANI. Pengiktirafan ini mencerminkan kesungguhan KPKT dalam menghargai komitmen dan jasa warga KPKT disamping mengiktiraf kecemerlangan demi memperkukuh budaya kerja berprestasi tinggi dikalangan warga KPKT.

Penganjuran Majlis AKM 2025 juga mendapat sokongan dan kerjasama dari rakan strategik utama seperti Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) serta beberapa rakan strategik lain yang turut terlibat dalam menjayakan penganjuran majlis ini.

Senarai pemenang adalah seperti di **Lampiran A**.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

